



PENGERUSI EKSEKUTIF
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 17
Sunway Putra Tower
100 Jalan Putra
50350 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: 03-4047 4026
Faks: 03-4047 4101
Portal Rasmi: www.skm.gov.my
Email : nikali@skm.gov.my

Ruj kami : SKM.IP. (AM) 7964 SJ. 5 (69)
Tarikh : 20 Januari 2014

Surat ini dikelilingkan kepada –

Semua Koperasi

Tuan/Puan,

MAKLUMAN STATUS KEBANKRAPAN ANGGOTA LEMBAGA DAN ANGGOTA KOPERASI

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berdasarkan pemerhatian Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya), statistik kebangkrapan di kalangan penduduk Malaysia semakin meningkat akibat kegagalan melunaskan hutang. Kebankrapan boleh memberi pelbagai implikasi kepada individu tersebut. Dalam konteks koperasi, status kebangkrapan seseorang anggota Lembaga atau anggota koperasi akan menyebabkan hilang kelayakan sebagai anggota dalam koperasi yang dianggotainya.

3. Sehubungan itu, semua koperasi hendaklah mengambil langkah sewajarnya untuk menyemak status kebangkrapan setiap anggota Lembaga dan anggota koperasi **dari semasa ke semasa**. Koperasi juga bertanggungjawab mengemaskini rekod kebangkrapan anggota Lembaga dan anggota koperasi pada setiap masa.

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT.NO.: AR 5364


4. Koperasi dikehendaki melaporkan **dengan segera** kepada Suruhanjaya sekiranya terdapat mana-mana anggota Lembaga atau anggota koperasi yang diisytiharkan sebagai bankrap atau muflis. Pelaporan hendaklah dialamatkan kepada:

Pengarah Bahagian Statutori dan Pendaftaran
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 17, Sunway Putra Tower
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-40474000
No. Fax : 03 40474117

5. Surat Pekeliling ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Salam Hamat



DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS

- s.k
- (i) Timbalan Pengerusi Eksekutif
 - (ii) Ketua Sektor (Pembangunan)
 - (iii) Ketua Sektor (Operasi dan Kawal Selia)
 - (iv) Ketua Sektor (Pengurusan dan Kewangan)
 - (v) Pengarah SKM _____
(Tuan/puan dikehendaki memastikan koperasi mematuhi surat pekeliling ini)
 - (vi) Maktab Koperasi Malaysia (MKM)
 - (vii) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)